

912 Melayu berpotensi jadi CEO

UM-12/11/2006

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Sebanyak 912 pemilik syarikat bumiputera yang tersenarai di Bursa Malaysia berpotensi untuk dibentuk menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO) berwibawa bagi membantu meningkatkan ekonomi orang Melayu.

Mereka merupakan sebahagian daripada 172,000 pemilik syarikat bumiputera yang berdaftar di negara ini.

Timbalan Dean Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Aishah Bidin menjelaskan melalui penggabungan dengan syarikat milik kerajaan (GLC), kesemua 912 usahawan itu berpeluang memperluaskan perniagaan melalui pegangan saham yang besar dalam sesebuah syarikat.

Beliau menambah, sebagai CEO atau pengarah sya-

rikat, mereka tertakluk kepada Akta Syarikat dan ini akan memastikan mereka mematuhi undang-undang dan mengurangkan risiko penyelewengan.

"Mereka ini bukan saja setakat boleh dilantik sebagai CEO yang berjaya dalam perniagaan tetapi perundangan negara akan memastikan mereka telus dan bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Peranan GLC dalam Melahirkan CEO Melayu* pada Konvensyen Agenda Melayu kedua anjuran Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara di sini hari ini.

Dalam kertas kerja tersebut, beliau berkata, sebanyak RM78.4 bilion syer di syarikat yang tersenarai di Bursa

Malaysia pada tahun lalu dimiliki oleh bumiputera.

Sementara itu, sebanyak 76 peratus pengurusan perladangan di negara ini dikuasai oleh orang Melayu, kata Ketua Eksekutif Persatuan Penggabungan Pemilik-Pemilik Ladang (ISP), Daud Amatzin.

Beliau berkata, kejayaan tersebut adalah hasil program latihan dan teknologi berterusan yang disediakan oleh syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC).

Katanya, statistik yang dikeluarkan pihaknya itu membuktikan bahawa orang Melayu boleh maju dalam apa juga bidang sekiranya diberi peluang dan bantuan sewajarnya.

"Saya bangga dengan prestasi orang Melayu dalam industri perladangan yang mampu bersaing dengan sya-

rikat-syarikat perladangan dari negara-negara seperti Indonesia dan Afrika.

"Ini semua hasil program latihan serta kajian dan pembangunan disediakan oleh GLC seperti Golden Hope, Guthrie dan Kumpulan Sime," katanya yang juga bekas Pengerusi Kelab UMNO Eire, United Kingdom.

Beliau berkata demikian ketika soal jawab sesi pertama pembentangan kertas kerja pada konvensyen itu.

Para pembentang kertas kerja pada sesi pertama itu terdiri daripada Presiden Universiti Islam Antarabangsa, Tan Sri Sanusi Junid; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom, Datuk Abdul Wahid Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad, Izham Yusoff.